

# Kenyataan Tender Bil. 15/2026

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
<b>2026/A048</b>	<p>Cadangan Kerja-Kerja Pemasangan Dan Penyelenggaraan Lampu-Lampu Jalan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh Enam (6) Tahun</p> <p><b>Harga Dokumen: RM3000.00</b></p>	<p>Berdaftar Dengan CIDB</p> <p>Gred G7 Kategori ME Pengkhususan E06 Atau E11 Dan E16</p> <p><b>* Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan</b></p>	<p><b><u>Tarikh Tender Dibuka</u></b> 29 April 2026 (Rabu)</p> <p><b><u>Tarikh Tender Ditutup</u></b> 15 Mei 2026 (Jumaat)</p>

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my). Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)
3. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai ( **Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
4. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)) dan laman sesawang eperolehan DBKL ([eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)).

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**Tarikh Iklan : 29 April 2026 (Rabu)**

**Laman Sesawang : [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my) dan [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)**